

Al-Lata'if dalam Tafsir Mafatih Al-Ghayb

Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi & Wan Nashrudin Wan Abdullah

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Terdapat pelbagai pendekatan para mufassir menulis karya mereka agar Al-Quran difahami dengan sempurna oleh umat manusia. Artikel ini menumpukan penulisan Imam Al-Razi terhadap aspek lata'if dalam Tafsir Mafatih al-Ghayb. Pendekatan beliau dalam menampilkan al-lata'if juga turut dihuraikan. Selain itu, aspek al-lata'if yang dibahaskan oleh Imam Al-Razi merangkumi tema yang luas seperti tauhid, ibadah, fekah, tasawuf, astronomi, psikologi dan bahasa. Pengkajian al-lata'if yang ditonjolkan oleh Al-Razi memberi satu rumusan awal bahawa al-lata'if ini mempunyai perkaitan rapat dengan himpunan topik dalam bidang Ulum Al-Quran. Secara lebih khusus, aspek ini mempunyai kaitan rapat dengan bidang Asalib al-Bayan, iaitu satu ilmu yang mengkaji aspek Balaghah Arab. Pengkajian aspek al-lata'if ini juga menonjolkan ketokohan Imam Al-Razi dalam bidang bahasa dan budaya Arab sehingga mampu mengeluarkan aspek al-lata'if di sebalik perkataan ataupun ayat al-Quran yang diamatinya.

Kata kunci: *Tafsir, Mafatih al-Ghayb, Al-Razi, Lata'if, Asalib Al-Bayan*

PENDAHULUAN

Para mufassir menulis pelbagai karya demi memastikan kefahaman dan penghayatan terhadap Al-Quran secara menyeluruh dan sempurna dalam kalangan umat manusia. Mereka mengambil pendekatan yang berbeza-beza berdasarkan kepada kecenderungan masing-masing. Antara tafsir muktabar yang sering menjadi fokus ramai pengkaji ialah Tafsir *Mafatih Al-Ghayb* (TMG) oleh Imam Fakhruddin al-Razi. Meskipun terdapat tafsir sebelum Tafsir *Mafatih Al-Ghayb*, seperti Tafsir Al-Tabari, Tafsir Al-Zamakhshari, Tafsir al-Jassas al-Hanafi dan al-Kiya al-Hirasi al-Shafi'i, namun TMG memiliki keunikannya yang tersendiri. TMG adalah kitab tafsir terbesar dan tertumpu kepada penulisan tafsir yang bersifat ensiklopedik (Fadl 2007). Berbeza dengan penulisan Tafsir al-Tabari yang disifatkan sebagai *al-tafsir bi al-ma'thur*, atau Tafsir al-Zamakhshari yang terkenal dengan analisis balaghah, serta Tafsir al-Jassas al-Hanafi dan al-Kiya al-Hirasi al-Shafi'i yang menumpukan aspek fekah dan hukum, TMG yang ditulis oleh Imam al-Razi merangkumkan hampir kesemua bidang ilmu termasuk ilmu yang dianggap agak baru dan belum pernah dikaji untuk dikaitkan dengan pentafsiran ayat-ayat Al-Quran seperti ilmu kalam, sains dan matematik ke dalam tafsir beliau (Fadl 2008).

Dari sudut persembahan, al-Razi telah melakukan sesuatu yang unik dengan memperkenalkan kaedah pecahan bab dalam pentafsiran. Beliau membahagikan satu-satu ayat kepada beberapa bahagian kecil yang dapat menampung makna. Setiap satu bahagian dihuraikan berdasarkan beberapa masalah. Seterusnya, pada setiap satu masalah, terdapat pula perincian dan pecahan kecil. Bukan itu sahaja, penghuraian Imam Al-Razi dalam setiap masalah dimuatkan dengan kisah terdahulu, nasihat serta perbincangan pendapat antara mazhab-mazhab. Di sebalik kesemua keistimewaan ini, penulis mendapati bahawa keunikan TMG dari sudut perbahasan aspek *al-lata'if* kurang ditonjolkan, sedangkan aspek *al-lata'if* yang merangkumi beberapa tema dapat ditemui di sepanjang pentafsiran yang dilakukan oleh Imam Al-Razi menerusi pelbagai pendekatan. Justeru, artikel ini menganalisis aspek *al-lata'if* tersebut agar penghayatan kepada Al-Quran dapat digarap dengan lebih sempurna oleh umat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian analisis kandungan terhadap sebahagian perbincangan yang membabitkan konsep *al-lata'if* dalam kitab **al-Tafsir Al-Kabir** karangan Imam Fakhruddin Al-Razi. Kitab yang digunakan adalah terbitan Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, Beirut cetakan tahun 1999 dalam 11 jilid bersaiz besar. Data dianalisis secara deskriptif. Pendekatan tematik digunakan untuk mengklasifikasikan tema utama dan tema-tema sampingan yang terkandung dalam himpunan *al-lata'if* ini. Seterusnya, pendekatan induktif dan deduktif digunakan untuk memperhalusi perbincangan yang mengandungi unsur *al-lata'if* ini agar kesimpulan mengenai konsep *al-lata'if* menurut al-Razi dapat dilakukan.

AL-LATA'IF DARI SUDUT BAHASA

Lata'if dari sudut bahasa adalah kata jamak bagi perkataan *latif*. Kata *muannathnya* ialah *latifah* manakala jamaknya pula ialah *latifat* (Ahmad Mukhtar 2008). Menurut Ibn Faris (1979), akar kata bagi perkataan *latif* pula ialah *lam-ta'-fa'* yang menunjukkan makna kelembutan atau suatu perkara yang kecil.

Apabila huruf *ta'* dibariskan dengan baris hadapan (*dammah*) yang membentuk kata *latufa*, ia bermaksud *saghura* iaitu satu perkara yang kecil atau *diqqa* iaitu sesuatu yang halus lagi teliti (al-Zabidi t.th; Ibn Manzur t.t. & Ahmad Mukhtar 2008). Dalam konteks ini, *latufa* adalah lawan bagi kata *dakhm* iaitu yang bersaiz besar, juga lawan kepada *kathuf* yang bermakna tebal (Ahmad Mukhtar 2008). Disebutkan dalam contoh penggunaan *al-hawa' jism latif* yang diterjemahkan sebagai 'udara itu adalah jisim yang halus'. *Latif* di sini bermakna *diqq* iaitu 'halus' (Ahmad al-Zayyat, Hamid 'Abd al-Qadir, Ibrahim Mustafa & Muhammad al-Najjar. t.th).

Apabila huruf *ta'* dibariskan dengan baris atas (*fathah*) pula yang membentuk kata *latafa*, ia membawa maksud *riqq* iaitu kelembutan dan *ra'fah* iaitu kasih sayang. Kebiasaan penggunaan perkataan *latafa* ini akan dihubungkan dengan huruf (*harf al-jar*) *lam* atau *ba* menjadi *latafa bihi* atau *latafa lahu* bagi menunjukkan makna 'berbuat dan berlaku lembut kepada sesuatu' (al-Zabidi t.th.; Ibn Manzur t.t, dan Ibn Faris 1979). Sebagai contoh, penggunaan ayat *ana altufu bihi* bererti 'aku menzahirkan kelembutan atau kasih sayang (dalam bermuamalat) dengannya' (al-Zabidi t.th., 24:363).

Perkataan *al-lutf* atau *al-latif* pula menunjukkan makna tertentu berdasarkan konteks dan penggunaannya dalam sesuatu ayat. Sebagai contoh, apabila perkataan *latif* digunakan untuk menunjukkan kata-kata dan ucapan (*al-latif min al-kalam*), ia bermaksud ucapan dan kata-kata yang halus, rumit dan tersirat (*ma ghamuda ma'nahu wa khafiyy*) Ia juga merujuk kepada kehalusan makna (*al-daqiqah*) (al-Zabidi t.th; Ibn Manzur t.t. dan Ahmad al-Zayyat, Hamid 'Abd al-Qadir, Ibrahim Mustafa, Muhammad al-Najjar t.t.). Dalam konteks ini, Ahmad Mukhtar (2008) menyatakan bahawa *latifah* menunjukkan kepada makna 'setiap yang memberi isyarat kepada makna yang mendalam untuk difahami dan tidak dapat disingkapkan dengan lafaz'.

Selain itu, lafaz *al-latif* juga adalah salah satu nama Allah SWT yang membawa makna 'Yang Maha Mengetahui perkara yang halus lagi tersembunyi dan Yang Menyampaikan kebaikan-kebaikan buat hamba-Nya'. Manakala, jika lafaz ini dikaitkan dari Allah SWT iaitu *al*

-*lutf min Allah*, maka, ia membawa erti penjagaan oleh Allah (*al-tawfiq wa al-'ismah*) (al-Zabidi t.th., dan Ibn Manzur t.t).

PENGGUNAAN ISTILAH *AL-LATA'IF* DI KALANGAN ULAMA ISLAM

Perkataan *al-lutf*, *al-lata'if* dan *al-latifah* sering digunakan di kalangan ulama Islam dalam pelbagai bidang ilmu bagi menamakan kitab-kitab mereka sama ada sebelum mahupun selepas zaman al-Razi. Oleh demikian, bagi memperluaskan kefahaman mengenai konsep *al-lata'if* serta penghuraian konsep ini menurut al-Razi, sorotan penggunaan perkataan *al-lata'if* dalam kalangan ulama Islam dilakukan.

Antara ulama yang terawal menggunakan perkataan *al-lutf*, *al-lata'if* dan *al-latifah* sebelum al-Razi ialah 'Abd al-Malik bin Muhammad bin Isma'il Abu Mansur al-Tha'labi (m.429H) dan al-Qushayri (m.465H). Al-Tha'labi menulis dua karya dengan menggunakan perkataan-perkataan ini. Pertama, kitab kecil dalam bidang Kesusasteraan Arab yang berjudul *al-Lutf wa al-lata'if*. Kitab ini menghimpunkan *lata'if* ataupun kata-kata yang mengandungi makna yang halus dalam kalangan beberapa kelompok manusia seperti para sahabat dan tabien, raja terdahulu, khalifah Islam, menteri dan pemimpin kerajaan Islam, para sasterawan, hakim, para ulama dan cendekiawan, dalam bentuk prosa dan syair yang menonjolkan sastera arab. Namun begitu, kitab kecil ini juga memuatkan petikan yang terus terang maknanya, ringkas dan jelas. Bukan itu sahaja, kitab ini juga memasukkan aspek jenaka dan unsur luar biasa dalam mengangkat tema mengenai kemuliaan, kepandaian, maruah dan kemurahan hati insan (al-Tha'labiy 1984).

Dalam kitabnya yang lain, al-Tha'labi (1984) menghimpunkan petikan yang mengandungi ciri kehalusan dan kecerdasan dalam perkara yang bertentangan. Beliau menyusun kitab ini dengan dua bab demi dua bab secara beriringan. Satu bab adalah untuk memuji sesuatu perkara dan satu bab yang lain adalah untuk mengeji perkara tersebut pula. Antara tema yang dibahaskan menggunakan pendekatan sebegini adalah seperti, bab khusus yang memuji dunia, manakala dalam bab yang seterusnya mengeji dunia. Begitu juga pendekatannya dengan masa, sultan, akal, ilmu, syair, perniagaan, harta dan sebagainya. Kesemuanya berjumlah 162 bab. Kitab ini memperlihatkan penguasaan beliau terhadap perbendaharaan dan kosa kata bahasa Arab serta kefasihan beliau dalam menggambarkan sesuatu dari sisi positif dan negatif. Bahkan, menerusi kedua-dua sisi ini, satu pandangan yang lebih halus dan mendalam terhadap sesuatu perkara dapat dibentuk (Fadl 2007).

Dalam kalangan mufassir yang mentafsirkan keseluruhan al-Quran pada zaman sebelum al-Razi, Imam al-Qushayri adalah yang pertama menggunakan kalimah *lata'if* dengan menamakan karya tafsir beliau sebagai *Lata'if al-Isharat*. Menurut pentahqiq tafsir tersebut, Ibrahim al-Basyuni (al-Qushayri t.th., 1:22), tafsir disusun dengan mengeluarkan pengertian dan makna yang tersembunyi dan mendalam bagi setiap lafaz yang terzhahir tanpa memberi perhatian kepada makna sesuatu perkataan menurut kamus. Sebaliknya al-Qushairi menjelaskan makna di sebalik sesuatu lafaz al-Quran yang halus dan mendalam berbanding kefahaman biasa dengan berdasarkan ilmu kurniaan Allah SWT yang disingkap oleh ahli-ahli makrifah. Beliau meninggalkan sepenuhnya aspek-aspek lain dalam mentafsirkan al-Quran seperti kebiasaan yang dilakukan oleh para mufassir, samada sebelum mahupun yang datang selepas beliau. *Tafsir al-Qushayri* ini juga boleh dikatakan hanya terkhusus dapat difahami oleh mereka yang sedang mengikuti jalan dan latihan tasawuf bagi mencapai kejernihan jiwa yang sejati (al-

Qushayri t.th.). Walau bagaimanapun, Ibrahim al-Basyuni (al-Qushayri t.th.) menyatakan bahawa aspek kemukjizatan al-Quran yang tersingkap menerusi kedalaman makna yang terserlah dalam tafsir ini tidak sewajarnya diabaikan oleh para pengkaji.

Selain itu, terdapat juga para ulama dalam beberapa bidang ilmu yang sezaman dengan al-Razi yang turut menggunakan lafaz *lata'if* dalam menamakan karya mereka. Mereka ialah Abu Musa al-Madini (m.581H), al-Jawzi (m.597H) dan Abu al-Hasan 'Ali bin Sa'id al-Rajraji (m.633H). Abu Musa al-Madini (1999) menyusun kitab dalam bidang Ulum Hadith yang berjudul *al-lata'if min Daqa'iq al-Ma'arif fi Ulum al-Huffaz wa al-A'arif*, manakala Abu al-Hasan al-Rajraji (2007) menyusun kitab dalam Fiqh Maliki yang berjudul *Manahij al-Tahsil wa Nata'ij Lata'if al-Ta'wil fi Sharh al-Mudawwanah wa Halli Mushkilatuha*. Namun begitu, tidak terdapat huraian dalam pendahuluan kitab-kitab ini oleh pengarang-pengarangnya mengenai sebab diletakkan perkataan '*lata'if*' dalam judul karya masing-masing. Abu al-Farj Abd al-Rahman bin 'Ali al-Jawzi dan Abdullah Badran (1993) pula menyusun sebuah kitab tasawuf dengan judul *al-lata'if*. Beliau menyatakan bahawa kitabnya mengandungi ungkapan-ungkapan dan isyarat-isyarat yang halus dalam memberi nasihat dan penggunaan lafaz. Setelah zaman al-Razi, al-Fayruzabadi (m.817H) menulis kitab (1996) yang berjudul *Basa'ir Dzawi al-Tamyiz fi Lata'if al-Kitab al-'Aziz* dalam bidang Ulum Quran. Beliau mengumpulkan istilah-istilah penting dalam al-Quran dan membentuk tafsir tematik yang disusun mengikut huruf *hija'yyah*.

Dalam perkembangan mutakhir, terdapat juga pengkaji-pengkaji kontemporari yang menamakan kitab-kitab mereka dengan lafaz *lata'if*. Antaranya ialah Ahmad Bin Mustafa al-Lubabidi al-Dimashqi (m.1318H) yang telah memberikan judul karyanya (t.th.) sebagai *al-lata'if fi al-Lughah*. Dalam mukadimah kitab, beliau mendedahkan bahawa beliau memberi judul kitabnya ini sedemikian rupa kerana hasrat utama beliau yang ingin menonjolkan aspek keindahan dan kehebatan yang bersangatan dalam kalimah dan kalam Arab.

Akhir sekali, terdapat sebuah kitab dalam bidang Usul Fiqh berjudul *Risalah Latifah Jami'ah fi Usul al-Fiqh al-Muhimmah* karangan Abd al-Rahman bin Nasir bin Abdullah bin Nasir bin Hammad 'Ali Sa'di (1997). Dalam mukadimah kitab ini, pengarang menyatakan bahawa risalah halus ini adalah dalam bidang Usul Fiqh, menggunakan lafaz yang mudah, makna yang jelas dan dapat membantu mempelajari hukum-hakam.

Berdasarkan sorotan kitab-kitab di atas, perkataan *lutf*, *lata'if* dan *latifah* digunakan di kalangan para ulamak dalam beberapa konteks. Ada yang merujuknya dengan pengertian bahasa yang bermaksud halus ataupun perbualan yang mendalam. Ada pula yang merujuknya dengan maksud bidang yang halus dan mendalam iaitu bidang tasawuf. Terdapat juga penggunaan yang merujuk kepada kefasihan berbahasa dalam bidang Fiqh Lughah (Fadl Hassan Abbas 2008). Khusus untuk artikel ini, penulis memfokuskan kepada uslub Al-Razi dalam menampilkan *lata'if* dalam pentafsiran al-Quran.

USLUB AL-RAZI DALAM MENAMPILKAN LATA'IF

Bagi memahami konsep *lata'if* menurut al-Razi, bentuk ataupun cara penampilan *lata'if* dalam Tafsir *Mafatih al-Ghayb* dikaji. Berdasarkan kajian penyelidikan, terdapat banyak uslub yang digunakan oleh al-Razi dalam menampilkan *lata'if*nya. Berikut ialah bentuk-bentuk *lata'if* yang dapat dikesan oleh penyelidik beserta contoh penggunaannya.

i. Al-lata'if yang menempati, dinyatakan sebelum atau selepas daripada pentafsiran ayat

Contoh bagi *al-lata'if* yang menempati pentafsiran ayat ialah ketika mentafsirkan petikan *wa Allah yuhibbu al-muhsinin* ayat (al-Quran, Ali Imran 3:148), al-Razi (1999, 3:382-383) menampilkannya sebagai *lata'if* mengenai perbuatan hamba yang sentiasa bergantung kepada pertolongan daripada Allah.

Di tempat yang lain, al-Razi (1999, 3:88) menyebut kelebihan menderma dan mengeluarkan *latifah* yang menjelaskan bahawa ia hanya dapat dilaksanakan manifestasi daripada keutuhan tauhid sebelum daripada pentafsiran ayat (al-Quran, Ali Imran 3:92).

Contoh bagi *al-latā'if* yang dinyatakan selepas daripada pentafsiran ayat pula ialah setelah mentafsirkan ayat (al-Qur'an, al-Taubah 9:5), al-Razi (1999 5:529) mengeluarkan *latifah* mengenai taubat dan amalan sebagai jalan menuju kebahagiaan hakiki.

ii. Al-latā'if pada perkataan tertentu dalam sesebuah ayat, pada sebahagian ayat, pada keseluruhan ayat dan pada keseluruhan surah secara umum

Dalam menampilkan *lata'ifnya*, al-Razi kadang kala menampilkannya ketika membahaskan lafaz tertentu dalam sesuatu ayat. Misalnya, beliau membahaskan *latifah* mengenai lafaz *kāna* dari sudut ilmu nahu ketika mentafsirkan ayat (al-Quran, al-Baqarah 2:280) (al-Razi 1999 3:85).

Pada ketika yang lain, beliau menampilkan *lata'ifnya* ketika membahaskan sebahagian daripada petikan ayat. Sebagai contoh, dalam mentafsirkan petikan *ya'tina al-fabishah* ayat (al-Qur'an, al-Nisa' 4:15), beliau telah mengeluarkan *latifah* mengenai aspek pelaku perbuatan buruk yang terkandung dalam perbahasan ilmu kalam (al-Razi 1999 3:528).

Contoh pada keseluruhan ayat pula ialah *al-latā'if* pada ayat *al-isti'azah* pada permulaan Surah al-Fatihah yang telah dibahaskan dengan panjang lebar dan ditampilkan dalam bentuk *al-nuktah* ataupun poin iaitu sebanyak 19 *al-nuktah* (al-Razi 1999, 1:91-95).

Bagi contoh keseluruhan surah, al-Razi (1999, 1:165-167) telah mengeluarkan dua *lata'if* yang berkaitan dengan keseluruhan Surah al-Fatihah secara umum, satu menyentuh aspek akidah dan satu lagi menyentuh aspek psikologi kemanusiaan.

iii. Al-latā'if yang mempunyai atau tidak mempunyai hubung kait dengan pentafsiran ayat

Ketika mentafsirkan ayat (al-Quran al-Baqarah, 2:22) al-Razi telah membahaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan pentafsiran ayat. Beliau telah menjelaskan manfaat-manfaat dan sifat-sifat bumi yang sebahagiannya tidak disebut dalam ayat serta menyuruh memikirkan hikmah kejadian-kejadian tersebut. Semua ini merupakan *latā'if* yang mengagumkan serta mampu memperkenalkan kepada Pencipta Yang Maha Bijaksana (al-Razi 1999, 1:338).

Kadang kala, al-Razi mendatangkan *lata'if* yang terlalu jauh atau tidak mempunyai hubung kait dengan pentafsiran ayat. Sebagai contoh, berdasarkan petikan *bismillah* dalam ayat *al-basmalah* Surah al-Fatihah, al-Razi telah memperpanjangkan perbahasannya terhadap nama-nama Allah dan membuat beberapa klasifikasi seperti nama-nama yang menunjuk kepada sifat-sifat yang hakiki, nama-nama yang menunjuk kepada sifat-sifat *idafi* atau tambahan, dan nama-nama yang menunjuk kepada kedua-duanya sekaligus. Antara nama yang menunjuk kepada kedua-duanya sekaligus ialah nama-nama yang terhasil daripada *bab al-asma' al-mudmarah*.

Salah satu daripadanya ialah *huwa* iaitu 'Dia' yang merupakan *isim damir* atau kata ganti nama. Lafaz ini mempunyai rahsia-rahsia atau *lata'if* tasawuf yang sangat tinggi yang dicatat serta didedahkan oleh al-Razi berjumlah sebelas rahsia (al-Razi 1999, 1:136-140).

iv. Al-latā'if berdasarkan kepada al-taqdim wa al-ta'khir, al-tarabut, al-nazm dan al-tartib
Setelah mentafsirkan dengan ringkas ayat *al-isti'azah* dan ayat *al-basmalah* dalam Surah al-Fatihah, al-Razi (1999, 1:23) mengemukakan *al-latā'if* mengenai tertib susunan kedua-duanya yang menepati akal yang benar. Ayat *al-isti'azah* didahulukan sebagai isyarat penafian terhadap segala yang tidak sepatutnya diiktikadkan dalam perkara akidah dan yang tidak seharusnya dibuat dalam perkara *'amaliyyah*, kemudian baru disusuli oleh ayat *al-basmalah* sebagai isyarat terhadap apa yang seharusnya diiktikadkan dalam perkara akidah dan perkara yang semestinya dilaksanakan dalam perkara *'amaliyyah*.

Ketika membahaskan rahsia-rahsia akliah yang dikeluarkan daripada surah al-Fatihah pula, beliau telah menampilkan *latā'if* untuk ayat *al-hamd lillah rabb al-'alamīn*. Pada *latā'if* yang ketiga, beliau menyatakan bahawa selain surah al-Fatihah, ada empat surah lain yang dibuka dengan *alhamdulillah* tetapi kesemuanya hanyalah memperincikan sebahagian daripada aspek yang dijelaskan oleh *alhamdulillah* dalam Surah al-Fatihah. Keempat-empat awal surah itu ditampilkan bagi memperlihatkan hubungannya (al-Razi 1999, 1:162).

Selain itu, al-Razi turut menampilkan *lata'if* berdasarkan tertib susunan ayat. Contohnya al-Razi menyatakan bahawa ayat (al-Quran, al-Nisa' 4:58) yang berkisar tentang perundangan dan kehakiman memiliki tertib susunan ini sangat cantik kerana yang pertama Allah menyebut perintah supaya amanah iaitu kepada diri hakim supaya berlaku adil terhadap dirinya sendiri, kemudian Dia menyebut perintah supaya menjalankan hukum dengan benar, iaitu kepada orang lain. Bahkan, penting untuk disebutkan bahawa di sini al-Razi menyebut sebuah kaedah penting mengenai *lata'if* iaitu kebanyakan *lata'if* al-Quran adalah mengenai tertib susunan (*al-tartibat*) dan perkaitan-perkaitan (*al-rawabit*) (al-Razi 1999, 4:110).

KLASIFIKASI TEMA AL-LATA'IF DALAM TAFSIR AL-RAZI

Setelah meneliti bentuk penyampaian *al-lata'if* dalam Tafsir al-Razi, *lata'if* ini dikaji dari aspek tema yang terkandung di dalamnya. Terdapat pelbagai tema yang terkandung di dalam *al-lata'if* yang dikeluarkan oleh al-Razi. Berikut adalah tema-tema yang dikenal pasti beserta contoh-contoh.

i. Berkaitan dengan rukun iman (akidah)

Kategori ini menempati sebahagian besar daripada *lata'if* yang dikemukakan oleh al-Razi dalam tafsirnya selain daripada *lata'if* yang berkaitan dengan ihsan ataupun ilmu tasawuf.

Sebagai contoh, *lata'if* ayat (al-Qur'an Ali Imran 3:191) memaparkan kepentingan berfikir merenung kejadian langit dan bumi sebagai syarat kesempurnaan tauhid. Berdasarkan ayat ini, Imam al-Razi menunjukkan keagungan uslub al-Quran dalam memperkenalkan Allah. Hakikat Zat Allah tidak mungkin diketahui oleh akal. Ia hanya mungkin dikenali melalui kesan-kesan perbuatan-Nya. Bila mana perbuatan-perbuatanNya kelihatan hebat dan agung, hal ini menunjukkan pelaku perbuatan tersebut yang lebih sempurna dan agung (al-Razi 1999, 3:460-461).

Di tempat yang lain, al-Razi telah mengeluarkan *lata'if* mengenai aspek pelaku perbuatan buruk yang terkandung dalam perbahasan ilmu kalam ketika mentafsirkan ayat (al-Qur'an al-Nisa', 4:15) (al-Razi 1999, 3:528).

Selain itu, dalam mentafsirkan petikan pada ayat terakhir Surah al-Nisa', al-Razi telah menjelaskan *latifah* mengenai kemunasabahan awal dan akhir surah ini. Di awal surah (al-Qur'an al-Nisa', 4:1) dinyatakan mengenai kesempurnaan *qudrat* Allah manakala ayat terakhir pula (al-Qur'an al-Nisa', 4:179) adalah penjelasan mengenai kesempurnaan ilmu-Nya. Kedua-dua sifat ini mensabitkan *rububiyyah*, *ilahiyyah*, kebesaran dan keagungan-Nya. Oleh yang demikian, wajib ke atas hamba mentaati segala perintah dan larangan-Nya (al-Razi 1999, 4:275).

ii. *Berkaitan dengan rukun islam (ibadah dan fekah)*

Dalam *nukta* keempat *al-lata'if* yang dikeluarkan daripada ayat *al-isti'azah* Surah al-Fatihah, al-Razi menjelaskan hikmah pensyariatan disebalik anjuran membaca *al-isti'azah* sebelum membaca al-Quran. Beliau menjelaskan bahawa perkara yang paling menjadi sasaran was-was syaitan adalah perbuatan membaca al-Quran kerana dengan mentadabburnya akan mempertingkatkan kemahuan berbuat taat dan menambahkan ketakutan daripada terjebak dalam perkara-perkara yang haram. Justeru tidaklah pelik mengapa syaitan benar-benar berusaha memalingkan hati pembaca al-Quran. Oleh yang demikian, inilah hikmah mengapa dikhususkan *al-isti'azah* dalam memulakan bacaan al-Quran (al-Razi 1999, 1:92).

Contoh lain, al-Razi mengatakan bahawa jenis-jenis talak ada empat dan telah dihuraikan tiga daripadanya dalam ayat yang sedang ditafsirkan (al-Quran al-Baqarah, 2:236) manakala yang keempat telah dijelaskan pada ayat yang sebelumnya. Justeru, kesempurnaan penjelasan hukum-hukum talak pada ayat-ayat ini menunjukkan *lata'if* dari sudut kata-kata pengucapan (al-Razi 1999, 2:475).

iii. *Berkaitan dengan ihsan (tasawuf)*

Ketika mentafsirkan ayat (al-Qur'an al-A'araf, 7:50-51), al-Razi mengeluarkan *lata'if* yang menjelaskan bahawa cinta dunia adalah punca segala kebinasaan. Dalam ayat-ayat ini, penghuni neraka disifatkan oleh Allah sebagai 'orang-orang kafir' dan hal keadaan mereka itu ada tiga. Pertama, mereka menjadikan agama sebagai bahan hiburan. Kedua, sebagai mainan. Dan ketiga, mereka terpedaya dengan dunia. Akibat daripada semua itu, mereka telah mengingkari ayat-ayat Allah. Hal ini menunjukkan bahawa kecintaan kepada dunia adalah penyebab segala kesakitan. Cinta dunia juga kadang-kadang boleh menyebabkan kekafiran dan kesesatan seperti halnya keadaan dalam ayat di atas (al-Razi 1999 5:253).

Di tempat lain, al-Razi mengeluarkan *lata'if* mengenai taubat dan amalan sebagai jalan menuju kebahagiaan hakiki ketika mentafsirkan ayat (al-Quran al-Taubah 9:5). Ayat ini mengisahkan keadaan orang-orang musyrikin yang telah memungkiri janji mereka dengan Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam*. Allah SWT ketika memerintahkan untuk menyekat segala kebaikan dan membalas perbuatan mereka itu, Dia turut menjelaskan bahawa jika mereka bertaubat daripada kekufuran dan mendirikan solat serta menunaikan zakat, maka mereka akan terlepas daripada segala kesengsaraan di dunia, dan semoga begitulah jugalah keadaannya di akhirat. Justeru, taubat di sini menunjukkan kepada pembersihan daya pemikiran daripada kejahilan, manakala solat dan zakat menunjukkan pembersihan daya perbuatan daripada apa yang tidak sepatutnya. Hal ini menunjukkan dengan kedua perkara ini akan berolehlah kebahagiaan hakiki (al-Razi 1999, 5:529).

iv. *Berkaitan dengan ilmu astronomi*

Dalam mentafsir ayat (al-Qur'an al-A'arāf, 7:54), al-Razi telah menampilkan *lata'if* yang berkaitan dengan ilmu astronomi. Beliau menyatakan bahawa matahari mempunyai dua jenis pergerakan (*al-harakah*) iaitu pergerakan yang disebabkan oleh zatnya yang hanya sempurna

dan pergerakannya yang disebabkan oleh pergerakan *al-falak al-a'zam*. Justeru, malam dan siang bukan terhasil daripada pergerakan matahari, tetapi disebabkan oleh pergerakan langit yang terakhir yang disebut juga sebagai 'Arasy. Oleh yang demikian, menurut al-Razi, ayat di atas menghubungkan 'Arasy' dengan petikan ayat yang bermaksud 'Ya melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan deras (silih berganti)' sebagai peringatan bahawa kejadian siang dan malam adalah disebabkan oleh pergerakan falak yang tertinggi dan bukannya disebabkan oleh pergerakan matahari ataupun bulan (al-Razi 1999, 5:272).

v. *Berkaitan dengan ilmu psikologi*

Dalam menjelaskan *lata'if* keseluruhan Surah al-Fatihah, Imam al-Razi telah menyinggung aspek psikologi kemanusiaan yang difitrahkan oleh Allah SWT. Di antaranya ialah:

- a. Manusia dicipta sentiasa cenderung berhajat kepada mencari kebaikan dan kenikmatan serta sentiasa cenderung menghindari perkara-perkara yang dibenci dan ditakuti.
- b. Kelaziman atau banyaknya dalam membuat sesuatu perkara menjadi sebab timbulnya bakat yang mendalam dan kebolehan yang tinggi.
- c. Sifat suka meniru adalah faktor utama dalam pembentukan akhlak dan perangai.

Kemudian, psikologi kemanusiaan diterangkan dalam tahap demi tahap proses perpindahan manusia daripada cinta dunia kepada cinta hanya kepada Allah (al-Razi 1999, 1:166-167).

vi. *Berkaitan dengan ilmu nahu*

Ketika mentafsirkan ayat (al-Qur'an al-Taubah, 9:103), al-Razi telah membahaskan *latā'if* yang tidak mempunyai hubung-kait dengan pentafsiran ayat tetapi membahaskan aspek bahasa iaitu apabila seseorang mengatakan kepada seseorang yang lain , سلام عليكم ayat ini mempunyai *mubtada'* yang *nakirah* iaitu tidak tertentu. Ahli nahu pula tidak membenarkan isim *nakirah* menjadi *mubtada'* di awal ayat kerana sesuatu pengkhabaran hanya berfaedah jika mengenai sesuatu yang diketahui, tentang perkara yang tidak diketahui padanya. Walau bagaimanapun, jika *isim nakirah* itu *mausūfah* iaitu bersifat, maka ia boleh dijadikan *mubtada'* seperti firman Allah Taala (al-Qur'an al-Baqarah, 2:221). Oleh yang demikian, ayat di atas boleh difahami dengan dua cara iaitu:

- a. Penggunaan *nakirah* menunjukkan kesempurnaan, iaitu *nakirah* di sini menjadi *nakirah mausūfah* dengan *taqdīr* ayat yang bermaksud "kesejahteraan yang sempurna lagi melengkap ke atas kamu".
- b. Petikan ayat "*alaykum*" dijadikan sifat kepada "*salāmun*" di mana rangkaian keduanya menjadi *mubtada'* dengan *khavar* yang tersembunyi iaitu dengan *taqdīr* ayat yang bermaksud "kesejahteraan kepada kamu berlaku, terjadi, terhasil". *Khavar* tidak disebut di sini mungkin menunjukkan kepada *al-tahwīl* dan *al-tafkīm* iaitu penekanan atau bombastik.

Latā'if dilanjutkan mengenai kesempurnaan salam dengan lafaz *salāmun 'alaykum* iaitu dengan *isim nakirah* berbanding salam dengan lafaz *al-salāmu 'alaykum* iaitu dengan *isim ma'rifah* yang diawali dengan huruf alif dan lam. Seperti yang telah dijelaskan di atas, salam dengan *isim nakirah* mengandungi makna kesempurnaan, manakala salam dengan *isim ma'rifah* tidak mengandungi makna tambahan melainkan makna asal perkataan itu sahaja.

Hal ini disokong dengan dalil bahawa apabila didatangkan di dalam al-Quran salam daripada Allah, ia adalah berbentuk *nakirah*, seperti firman-firman-Nya (al-Qur'an al-An'aām, 6:54; al-Naml, 27:59 dan Maryam, 19:15). Sedangkan jika salam daripada nabi-nabi '*alayhimu*

al-salām datang dalam bentuk *ma'rifah* seperti yang disebutkan dalam ayat-ayat (al-Qur'an Maryam, 19:33 dan Taha, 20:47). Oleh yang demikian, jelaslah salam dengan *isim nakirah* lebih sempurna daripada salam dengan *isim ma'rifah*. Hal ini jugalah yang menyebabkan Imam Shāfi'i *rahimahullah* menetapkan bacaan *tashabbud* dengan *salāmun 'alayk ayyuha al-nabiyy* iaitu berbentuk *nakirah* atau tanpa diawali alif dan lam (al-Razi 1999, 6:137).

Sebagai rumusan, tema-tema di atas bolehlah diklasifikasikan kepada tema utama dan tema sampingan. Tema-tema utama merupakan tema paling banyak disentuh oleh al-Razi, merangkumi perbincangan mengenai rukun agama; iman, islam dan ihsan, manakala tema-tema sampingan adalah topik-topik selain daripada rukun agama seperti perbincangan mengenai astronomi, psikologi, bahasa dan sebagainya.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang dibuat, dapat dibuat rumusan bahawa al-Razi telah menjadikan aspek-aspek *al-lata'if* ini sebagai sebahagian daripada tafsiran dan huraian ayat. Kadang kala *al-lata'if* ini menempati keseluruhan pentafsiran terhadap ayat, ada kala pula *al-lata'if* dinyatakan sebelum atau selepas daripada pentafsiran ayat. Terdapat keadaan-keadaan al-Razi menempatkan *al-lata'if* dalam pentafsiran pada perkataan tertentu dalam sesebuah ayat, kadang kala dalam petikan atau potongan sebahagian ayat dan dalam beberapa keadaan menempati pentafsiran pada keseluruhan ayat. Penyelidik juga mendapati dalam sesetengah keadaan, *al-lata'if* ini tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan ayat yang sedang ditafsir; dan dalam sesetengah keadaan yang lain, ia merupakan kesinambungan daripada perbincangan yang sedang diutarakan.

Dalam bentuk yang lain, *al-lata'if* juga dinyatakan berdasarkan kepada *al-taqdim wa al-ta'khir*, *al-tarabut*, *al-nazm*, dan *al-tartib*. Bahkan, penting untuk disebutkan bahawa di sini al-Razi menyebut sebuah kaedah penting mengenai *lata'if* iaitu kebanyakan *lata'if* al-Quran adalah mengenai tertib susunan (*al-tartibat*) dan perkaitan-perkaitan (*al-rawabii*) (al-Razi 1999, 4:110). Hal ini membuatkan penyelidik merumuskan bahawa perbincangan *al-lata'if* yang ditampilkan oleh al-Razi ini mempunyai perkaitan yang sangat kuat dengan himpunan topik yang terkandung dalam perbincangan *Ulum al-Quran* secara umumnya dan *Asalib al-Bayan* secara khusus. Hal ini kerana setiap disiplin ilmu yang berkaitan dengan al-Quran termasuk dalam Ulum al-Quran, manakala ilmu yang mengkaji aspek Balaghah Arab yang meliputi Ilmu Ma'ani, Ilmu Bayan dan Ilmu Badi' pula disebut sebagai *Asalib al-Bayan* (Fadl 2007).

Skop yang ditampilkan oleh Imam Al-Razi dalam mengetengahkan *al-lata'if* ini pula amat luas dan tidak terbatas dengan pengertian yang terkandung dalam ayat yang sedang ditafsirkan. Walau bagaimanapun, dapat disimpulkan bahawa tema-tema yang dibawa oleh al-Razi dalam *lata'if*nya bolehlah diklasifikasikan kepada tema utama dan tema sampingan. Tema-tema utama merupakan tema paling banyak disentuh oleh beliau merangkumi perbincangan mengenai rukun agama; iman, islam dan ihsan, manakala tema-tema sampingan adalah topik-topik selain daripada rukun agama seperti perbincangan mengenai astronomi, psikologi, bahasa dan sebagainya.

KESIMPULAN

Kajian mendapati bahawa al-Razi menggunakan istilah '*al-lata'if*' bagi merujuk kepada pengertian yang halus dan di sebalik zahir ayat. Namun ada ketikanya beliau menggunakan istilah-istilah yang lain seperti *fawaid*, *isharah*, *asrar* dan sebagainya yang membawa semangat

yang sama dengan istilah *al-lata'if*. Tema yang disinggung beliau juga sangat luas merangkumi persoalan keagamaan dan ilmu keduniaan. Selain itu, pengkajian aspek *al-lata'if* ini mengangkat Imam Al-Razi sebagai seorang tokoh yang mempunyai kelebihan dalam memperhalusi kalimah Arab serta adat dan kebiasaan bangsa Arab sehingga mampu untuk mengeluarkan *al-lata'if* di celah-celah penghuraiannya terhadap ayat-ayat Al-Quran. Hal ini ditambah pula dengan keluasan ilmu serta tahap keintelektualan beliau yang tinggi di samping mempunyai kemahiran yang cemerlang dalam Ilmu Kalam, Mantiq, Falsafah, Tasawuf, Usul Fiqh, Fiqh, Astromi, Perubatan dan terutamanya Kesusasteraan Arab. Apa yang paling utama, pengkajian terhadap aspek ini diharapkan dapat mencetuskan penghayatan yang lebih mendalam terhadap wahyu dan ajaran Islam secara keseluruhannya agar kehidupan insan dipandu ke arah jalan yang lurus di sisi Allah SWT.

BIBLIOGRAFI

- Abd al-Rahman bin Nasir bin Abdullah bin Nasir bin Hammad 'Ali Sa'di. 1997. *Risalah Latifah Jami'ah fi Usul al-Fiqh al-Muhimmah*. Beirut. Dar Ibn Hazmin.
- Abu al-Hasan al-Rajaji. 2007. *Manahij al-Tahsil wa Nata'ij Lata'if al-Ta'wil fi Sharh al-Mudawwanah wa Halli Mushkilatuha*. al-Da'ir al-Baydha': Markaz al-Tura'ith al-Thaqafi al-Maghribi.
- Abu Musa al-Madini. 1999. *al-Lata'if min Daqa'iq al-Ma'arif fi Ulum al-Huffaz wa al-A'arif*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyya.
- Ahmad al-Zayyat, Hamid 'Abd al-Qadir, Ibrahim Mustafa, Muhammad al-Najjar. 2013. *al-Mu'jam al-Wasit*. Jil 2. Riya'd: Markaz al-Tura'ith lil-Barmajiyya.
- Ahmad Bin Mustafa al-Lubabidi al-Dimashqi. 2013. *al-Lata'if fi al-Lughah*. Riya'd: Markaz al-Tura'ith lil-Barmajiyya.
- Ahmad Mukhtar 'Abd al-Hamid 'Umar. 2008. *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. Jil 3. t.tt. 'Alam al-Kutub.
- Ahmad Mukhtar, 'Abd Al-Hamid 'Umar. 2012. *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. Beirut: 'Alim al-Kutub.
- Al-Fayruzabadi, Abu Tahir Muhammad bin Ya'qub. 1996. *Basa'ir Dzawi al-Tamyiz fi Lata'if al-Kitab al-'Aziz*. Tahkik. al-Najjar, Muhammad 'Ali. Qahirah. al-Majlis al-'ala li al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Al-Jawzi, Abu Al-Faraj Abd Al-Rahman Ibn Ali & [Abd Allah Badran](#). 1993. [Kitab Al-Lata'if](#). Dimashq: Maktabat Dar Al-Mahabba.
- al-Qushayri, 'Abd al-Karim. t.th. *Lata'if al-Isharat*. Jil 1. Tahkik. al-Basyumi, Ibrahim. Mesir. al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab.
- Al-Rajaji, Abu al-Hasan 'Ali bin Sa'id. 2007. *Manahij al-Tahsil wa Nata'ij Lata'if al-Ta'wil fi Sharh al-Mudawwanah wa Halli Mushkilatuha*. t.tt. Dar Ibn Hazmin.
- Al-Razi, Fakhr al-Din Abu 'Abdullah bin Muhammad bin 'Umar. 1999M/1420H. *Mafatih al-Ghayb*. Beirut. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Suyutiyy, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 1988. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Beirut: Al-Maktabat al-'Asriyyah.
- Al-Tha'labi Abd al-Malik bin Muhammad bin Isma'il Abu Mansur. 1984. *Al-Lu'f wa al-lata'if*. Kuwait: Maktabat Da'ir al-'Arabiyyah.
- Al-Zabidi, Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Razzaq. t.t. *Taj al-'Arus min Jawahir al-Qamus*. Dar al-Hidayah
- Al-Zabidi, Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Razzaq. t.th. *Taj al-'Arus min Jawahir al-*

- Qamus*. Jil 24. Tahkik. Sekumpulan pentahkik. t.tt. Dar al-Hidayah.
- Al-Zahabi, Muhammad Husain. 1976. *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Kaherah: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Al-Zamakhsyari. t.t. Al- Kasyaf ‘An Haqa’iqat - Tanzil Wa ‘Uyunal-Aqawil Fi Wujuhat-Ta’wil.
- Al-Zhahabi. 1993. *Tarikh al-Islam wa Wafayat al-Mashahir wa al-A‘lam (juz’ 43)*, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Arabi.
- Fadl, Hassan ‘Abbas. 2007. *Al-Mufasssirūn, Madārisuhum wa Manāhijuhum*. Jordan: Dār al-Nafāis.
- Fadl, Hassan ‘Abbas. 2008. *I‘jaz al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Fadl, Hasan Abbas. 1997. Itqan al-Burhan fi ‘Uyun al-Quran. Amman: Dar al-Furqan lil Nash wa al-Tawzi’.
- Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad al-Qazwini. 1979. *Maqayis al-Lughah*. Jil 5. Tahkik. ‘Abd al-Salam Muhammad Harun. t.tt. Dar al-Fikr.
- Ibn Faris, Ahmad. 1994. *Mu‘jam Maqayis al-Lughah*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir. 1993. *Tabaqat al-Shafi‘iyyin*, Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Makram bin ‘Ali. *Lisan al-‘Arab*. Jil 9. Beirut. Dar al-Sadir.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram (t.t). *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dar Sādir.
- Subhi al-Salih. 1988. *Mabāhith fi ‘Uḥūm al-Qur’ān*. Beirut: Dar al-Ilm lilmalāyīn.